

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR - PKR ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015 ( ISNIN )**

**SOALAN (NO.14)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) Apakah punca dan faktor-faktor yang menyebabkan kekalahan memalukan skuad Harimau Malaya apabila dibelasah 10 - 0 oleh Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada perlawanan Kumpulan A Pusingan Kelayakan Piala Asia 2019, di Abu Dhabi pada 3 September 2015; dan
- (b) Apakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah disiplin para penyokong bola sepak Harimau Malaya, seperti yang berlaku pada perlawanan kelayakan Piala Dunia 2018 / Piala Asia 2019 antara Malaysia menentang Arab Saudi di Stadium Shah Alam pada 8 September 2015.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pemilihan pemain pasukan kebangsaan adalah terletak di bawah jurulatih kebangsaan yang dilantik oleh FAM. Pihak Kementerian tidak mempunyai bidang kuasa untuk menentukannya. Beberapa kelemahan telah dikenalpasti di antara yang utama adalah tahap kecergasan kebanyakan pemain ketika kekalahan 0-10 menentang Emiriah Arab Bersatu (UAE) berada pada tahap yang rendah disebabkan terpaksa mengharungi perlawanan liga yang mempunyai jadual padat serta jadual perlawanan persahabatan antarabangsa. Beberapa pemain utama juga tidak disenaraikan dalam perlawanan tersebut kerana mengalami masalah kecederaan seperti Junior Eldstal dan Joseph Kalang Tie.
- (b) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan mencadangkan kepada FAM dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya penyokong bola sepak yang mempunyai rekod dalam gejala samseng akan disenaraihitamkan daripada memasuki stadium dan menonton perlawanan bola sepak. Justeru, Kementerian turut mempertimbangkan supaya penonton menulis nama dan kad pengenalan pada tiket masing-masing bagi memudahkan kerja-kerja mengenalpasti "*hooligan*".

Sekian, terima kasih.